

### Soalan 1 : Rumusan

( 30 markah )

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang langkah-langkah menjadi pelajar pintar dan kesan-kesannya kepada pelajar**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan, akan muncullah pelajar yang melompat kegembiraan setelah *diumumkan sebagai pelajar cemerlang* dalam peperiksaan. Dengan erti kata lain, pelajar cemerlang tergolong dalam kalangan pelajar pintar, tetapi bukan semua pelajar pintar akan memperoleh keputusan yang cemerlang. Hal ini demikian kerana kepintaran pelajar terbahagi kepada beberapa aspek dan subjek. Ada pelajar yang pintar dalam matematik, tetapi dalam bahasa sebaliknya. Ada yang pintar berkomunikasi tetapi tidak dalam kemahiran lain. Untuk menjadi pelajar pintar, anda harus merancang jadual belajar anda. Perancangan cara belajar yang teliti dapat membantu anda belajar dengan konsisten sekali gus membantu anda memperoleh kejayaan cemerlang.

Selain itu, anda perlu memberikan tumpuan sepenuhnya di dalam kelas. Mengikuti sesuatu pembelajaran di dalam kelas hanya akan berjaya apabila anda mempunyai minat yang bersungguh-sungguh untuk belajar. Semuanya terpulang kepada anda untuk menentukan kejayaan diri. Sebagai pelajar juga anda harus mengelakkan diri daripada membuat kerja yang tidak berfaedah. Kerja-kerja yang tidak berfaedah ini akan merugikan masa dan tenaga anda. Anda juga perlu sentiasa berfikiran positif dan mempunyai semangat juang yang tinggi. Jangan menjadi pendiam dan menyorok kelemahan anda, sebaliknya anda perlu berbincang dan menceritakan masalah kepada guru atau ibu bapa anda. Masalah yang melanda diri jangan dibiarkan berlanjutan kerana akan memudaratkan diri sendiri.

Jika anda sedar akan kelemahan diri dalam sesuatu subjek, maka anda perlu mengatasi kelemahan tersebut dengan menghadiri kelas tuisyen atau kelas tambahan. Dengan menghadiri kelas sedemikian, anda akan memperoleh lebih kefahaman tentang sesuatu subjek yang dirasakan sukar difahami dan seterusnya membantu anda untuk belajar dengan yakin. Di samping itu, banyak membaca bahan ilmiah juga boleh membantu anda menjadi pelajar cemerlang. Oleh itu, anda harus rajin ke perpustakaan untuk mendapatkan buku terbaharu. Anda juga boleh membentuk kumpulan belajar yang dapat membantu anda dan rakan-rakan.

Pelajar pintar juga perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Mereka harus sentiasa positif dan bertanggungjawab mengatasi kelemahan diri supaya lebih yakin terhadap diri sendiri. Dalam proses komunikasi pula, mereka perlu meningkatkan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi supaya maklumat yang ada dalam fikiran dapat disampaikan dengan jelas dan tepat. Dalam setiap komunikasi, anda perlu sedia untuk menyampaikan idea yang bernas dengan menggunakan bahasa yang betul dan mudah difahami. Isi dan keterangan maklumat juga perlu relevan dan anda mestilah berkeyakinan tinggi untuk menyampaikannya.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Cara Menjadi Pelajar Pintar',  
*Pelita Bahasa*, Mac 2007)

## **Soalan 2 : Pemahaman**

( 35 markah )

### **Soalan 2(a) : Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i) Nyatakan maksud rangkai kata *diumumkan sebagai pelajar cemerlang*.  
( 2 markah )
- ii) Apakah aspek penting dalam kemahiran berbahasa dan berkomunikasi ?  
( 3 markah )
- iii) Pada pendapat anda, apakah faedah yang diperoleh apabila seseorang itu banyak membaca ?  
( 4 markah )

## Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

TUK WALI : Budak kata awak? Dah berjanggut, budak apa ke namanya? Dua ribu ringgit yang dicurinya tu duit tambang aku nak ke Makkah, Umi! Berdikit-dikit aku menabung! Senang saja dia mengambilnya, terbuku dalam hati aku ini tau! Eh, awak kata imam datang tadi, apa dimahunya?

MAK UMI : Siak pun ada sama! Nasihat! Macam yang dia pesan pada Abang Ngah minggu lepas!

TUK WALI : Boleh! Aku boleh duduk di masjid berzikir terus sampai mati! Tapi, orang patah kaki, urat terkehel tu, siapa nak ubatkan? Budak-budak kilang menjerit histeria beramai-ramai siapa nak menolong?

MAK UMI : Yang itu tak pulak disebut! Bersilat dalam majlis kahwin saja! Kurang manis katanya.

TUK WALI : *(Menggantung biola di dinding beranda. TUK WALI kelihatan tersinggung dan marah)*  
Dah lebih setengah abad aku bersilat! Dulu, semua budak muda dalam kampung ini anak murid aku belaka... zaman darurat dulu! Aku dilantik jadi ketua mengawal kampung! Dua kali bertempur di hutan, berkumpul semua orang lelaki perempuan, datang pada aku belajar silat. Masa itu, apa yang aku buat semuanya baik! Semuanya manis! Tapi, bila aku dah tua macam ni, tak manis pulak jadinya.

MAK UMI : Kerana dah tualah jadi tak manis tu!

TUK WALI : Aku buat benda yang sama jugak! Aku bukan ajar budak-budak tu merompak!

(Dipetik daripada drama 'Gelanggang Tuk Wali' oleh Ismail Kassan dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i. Berdasarkan petikan drama di atas, apakah kebolehan-kebolehan yang dimiliki oleh Tuk Wali? ( 2 markah )
- ii. Pada pendapat anda, mengapakah seni silat harus diajarkan dalam kalangan remaja hari ini? Berikan alasan anda. ( 4 markah )
- iii. Berikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **dua** pengajaran yang lain daripada keseluruhan drama tersebut. ( 3 markah )

## Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Alkisah peri menyatakan cetera yang pertama mengenai kisah Bayan yang dicabut bulunya oleh isteri seorang saudagar Istanbul. Maka kata Bayan itu, “ Adalah seorang saudagar di negeri Istanbul, maka ia pun pergi belayar. Hatta berapa lamanya selepas peninggalan saudagar itu, maka isteri saudagar itu *bermukah dengan seorang kalandar*. Sebermula adapun saudagar itu ada menaruh seekor Bayan. Hatta berapa lamanya maka saudagar itu pun datanglah daripada belayar itu. Maka tiadalah baik hatinya saudagar itu akan isterinya itu. Sebaik-baik ia berbantah, maka isteri saudagar itu berfikir di dalam hatinya, “Tiada siapa lagi yang memberitahu kepada suamiku ini melainkan Bayan juga, maka ia tahu akan perbuatan aku ini”. Maka isteri saudagar itu pun marahlah kepada Bayan itu.

Maka ada pada suatu hari maka saudagar itu pun tiada di rumahnya pergi ke kedainya. Setelah dilihat oleh isteri saudagar suaminya pergi berjalan maka Bayan itu dipanggilnya lalu ditangkapnya, dicabutkannya bulunya Bayan itu seraya katanya, “Si Celaka inilah memberitahu kepada suamiku maka ia tahu!” Setelah habislah bulu Bayan itu dicabut oleh isteri saudagar, baharu dilepaskannya. Maka Bayan itu pun larilah bersembunyi masuk ke dalam saluran tempat orang membuang air beras. Maka Bayan pun diamlah di situ. Pada sangkaan isteri saudagar Bayan itu sudah mati. Maka saudagar pun kembalilah ke rumahnya. Apabila isteri saudagar itu melihat suaminya pulang, ia pun pura-pura berteriak-teriak seraya katanya, “Sayang Bayan aku dimakan oleh kucing!”

Setelah didengar oleh saudagar itu, maka ia pun naik ke rumahnya. Maka dilihatnya bulu Bayan berlambak di tanah. Maka kata saudagar, “Tiada Bayan ini dimakan oleh kucing! Engkau juga membunuh dia, tidak juga dibunuh oleh orang, ini adalah hasil perbuatanmu yang jahat, maka Bayan ku engkau bunuh! Hai bedebah, nyahlah engkau dari rumahku ini, tiada aku mahu memandang muka orang durjana ini!”

( Dipetik daripada “Hikayat Khoja Maimun” dalam  
antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Nyatakan maksud rangkai kata *bermukah dengan seorang kalandar*. ( 2 markah )
- ii) Mengapakah saudagar begitu marah serta menghalau isterinya daripada rumah? Nyatakan **dua** alasan saudagar berbuat demikian. ( 2 markah )
- iii) Pada pandangan anda, bagaimanakah seseorang isteri memelihara kehormatan ketika suami tiada di rumah? Nyatakan **empat** cara. ( 4 markah )

## Soalan 2(d) : Puisi Tradisional

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### SYAIR SITI SIANAH

Setengahnya perempuan terlalu janggalnya,  
Roma di muka pula dicukurnya,  
Seperti taji berandam di keningnya,  
Kemudian memakai dengan selengkapnya.

Mengagak mengilai terlalu suka,  
Melihat laki-laki ditampakkannya,  
Supaya laki-laki boleh menyangka,  
Ianya elok tiada berhingga.

Setengah perempuan sangat pesolek,  
Berhias berdandan berpakai molek,  
Di dalam cermin muka ditelek,  
Kanan dan kiri di belek-belek.

Meskipun tiada berapa eloknya,  
Ada yang setengah kembang hidungnya,  
Serta pula kepik batangnya,  
Seperti buaya besar mulutnya.

Setengah perempuan perangnya cela,  
Habis dipenuhi rambut kepala,  
Rambut yang sikit disiputnya pula,  
Memakai cemara berjala-jala.

Terkadang muka dibubuh pupuri,  
Kaki dan tangan, lengan dan jari,  
Jadilah rupanya putih berseri,  
Pekerjaan tipu sangat digemari.

Setengah perempuan yang makan angkat,  
Memakai gelang bertingkat-tingkat,  
Memandang laki-laki matanya lekat,  
Dengan jantan suka berdekat.

Kaki dan tangan dinaikkan pula,  
Pura-pura dikatakan ubat segala,  
Hakikatnya diketahui Allah Taala,  
Supaya laki-laki berhati gila.

Berlindunglah kita kepada Allah,  
Daripada perbuatan yang amat salah,  
Mudah-mudahan dilepaskanlah,  
Jangan menjadi betina sempolah.

Setengahnya suka bermain judi,  
Inilah perangai banyak terjadi,  
Habishlah tergadai intan serudi,  
Kerana perangai sudah membadi.

Laki-laki perempuan bertindih lutut,  
Banyaklah kelakuan yang tidak patut,  
Sembahyang ibadat sudahlah bantut,  
Kerana syaitan duduk di buntut.

(dipetik daripada antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Berdasarkan puisi di atas, nyatakan penipuan yang dilakukan oleh golongan wanita. [3 markah]
- ii) Pada pandangan anda, mengapakah pergaulan lelaki dan perempuan mesti dikawal agar tidak keterlaluan? [3 markah]
- iii) Nyatakan **tiga** nilai yang terdapat dalam syair tersebut. [3 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

( 30 markah )

Jawab **semua** soalan.

a) Tulis **satu** ayat bagi setiap **kata ganda** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i. tunggang-langgang
- ii. compang-camping
- iii. mundar-mandir
- iv. hiruk-pikuk
- v. kacau-bilau
- vi. bolak-balik

[6 markah]

b) Tukar **ayat bersusunan songsang** di bawah kepada **ayat bersusunan biasa** tanpa mengubah maksud asalnya.

- i. Cantik sungguh lukisan-lukisan abstrak itu.
- ii. Sedang membaca majalah Habibah di dalam bilik pusat sumber sekolah.
- iii. Mengambil tindakan tegas kerajaan terhadap pencetus demonstrasi jalanan.

[6 markah]

c) Dalam setiap petikan dibawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Di Malaysia, fenomena blog mengembang dan menjadi trand bermula pada awal tahun 2000.
- ii. Para remaja boleh dielakkan diri daripada menjadi mangsa cyiber apabila melayari laman sesawang secara beretika.
- iii. Pemain-pemain bola sepak itu memerlukan istirehat yang cukup sebelum penyertaan liga kalah mati yang akan diadakan selama seminggu.

[6 markah]

d) *Dalam setiap ayat dibawah, terdapat satu **kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Para pekerja-pekerja akan melancarkan boikot sekiranya pihak majikan bersetuju dengan tuntutan mereka.
- ii. Media massa kini banyak memaparkan kepincangan komuniti sosial di dalam kalangan remaja.
- iii. Berdasarkan soal siasat yang dilakukan oleh Institusi Kebangsaan Integriti Pilihan Raya sekurang-kurangnya separuh dari golongan muda yang layak mengundi tidak mendaftar.

[6 markah]

e) *Bacakan maksud peribahasa dibawah denga teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.*

- i. Nasihat yang tidak dihiraukan.
- ii. Melakukan sesuatu dengan tidak bersungguh-sungguh.
- iii. Biar bodoh ataupun gagal tetapi kalau berusaha bersungguh-sungguh akan berjaya.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

( 15 markah )

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- i. Papa...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- ii. Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- iii. Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- iv. Renyah karya Gunawan Mahmood
- v. Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- vi. Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- vii. Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- viii. Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua pengajaran** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- b) Jelaskan **tiga nilai murni** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

**SOALAN TAMAT**

**~ SEMOGA BERJAYA ~**

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....

.....

.....

(